



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

~~KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA~~
(Ministry Of Education Malaysia)

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

(Human Resource Management Division)

**ARAS 1-5 Dan 12-14, Blok E12, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA**

Telefon : +603-8884 6000 (Talian Umum)
Faks : +603-8888 6292
Laman web : <http://www.moe.gov.my>

Ruj. Kami: KP(PP)0053/7/5 Jld 11(65)

Tarikh : 4 Februari 2014
4 Rabiulakhir 1435H



Presiden
Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia
No. 13 & 15 Jalan Murai Dua
Kompleks batu, Off Jalan Ipoh
51100 KUALA LUMPUR
(u.p. Puan Lok Yim Pheng)

Puan,

ISU TUNTUTAN BAYARAN INSENTIF SUBJEK PENDIDIKAN BAGI GURU TINGKATAN 6

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa saya telah diarah merujuk kepada surat puan bil. (4)dim.KPPK(IP) PP 5/(11-14)/(18) bertarikh 8 Januari 2014 mengenai perkara di atas.

2. Sebagaimana puan sedia maklum, Kerajaan telah memperkenalkan Bayaran Insentif Subjek Pendidikan (BISP) bagi tujuan memberi galakan kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) berikutan dengan dasar Pengajaran dan Pembelajaran (P & P) Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) di Kementerian Pendidikan Malaysia. Dasar PPSMI telah dimansuhkan mulai tahun 2010 dan digantikan dengan pelaksanaan dasar baharu iaitu Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI).

3. Sehubungan dengan itu, BISP tidak sesuai lagi diteruskan dibawah dasar baharu ini dan Kerajaan memutuskan supaya pemberian BISP diberhentikan mulai 1 Januari 2014 melalui surat siaran KPM Bil. KP(PP)0053/7 Jld 14 (30) bertarikh 1 November 2013. Pemberhentian BISP seperti yang diumumkan bukanlah bersifat sementara. Oleh itu, BISP yang dinikmati oleh guru Tingkatan 6 dan guru-guru lain berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan KPM Bilangan 3 Tahun 2003 turut diberhentikan memandangkan surat pekeliling tersebut telah dibatalkan.

Sekian, Terima Kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(TENGKU KHAIRUL ZAHIRAH BT. TENGKU KAMALUDIN)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

☎ : 03 - 8884 7857
Faks : 03 - 8884 7824
Emel : TKZAHIRAH@moe.gov.my

NUTP MALAYSIA
UNTUK PERHATIAN SUA
Tarikh : <u>13 FEB 2014</u>
Masa : <u>47</u>
T. T.